



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
MENGENAI
PETROLEUM HILIRAN**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
LATAR BELAKANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)	1
OPERASI AM PETROLEUM HILIRAN.....	1
LAYANAN CBP BAGI PETROLEUM HILIRAN.....	2
PENAPISAN.....	2
Pergerakan Masuk “Feedstock” untuk Kilang Penapisan Minyak.....	2
Pergerakan Masuk “Feedstock” untuk Kilang Penapisan Gas	3
Pergerakan Masuk “Feedstock” ke Labuan,Kawasan Ditetapkan	4
Pemindahan Keluar Produk Petroleum Yang Diproses	4
Pemindahan Keluar Gas Yang Diproses	2Error! Bookmark not defined.
PENGILANGAN PETROKIMIA	7
Pemindahah Produk Yang Dihasilkan	7
PENGGUDANGAN	7
Pemindahan Masuk Stok	7
Pemindahan Keluar Stok	8
Usaha Sama Petroleum Hiliran	8
PERUNCITAN.....	9
Pengusaha Stesen Minyak	9
Tuntutan Kredit Cukai Input untuk Pembinaan Stesen Minyak	11
SOALAN YANG LAZIM DITANYA	12
MAKLUMBALAS ATAU KOMEN.....	20
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP	20

PENGENALAN

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu anda memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya terhadap aktiviti petroleum hiliran termasuk peruncitan.

LATAR BELAKANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan merupakan percukaian berperingkat ke atas penggunaan domestik. CBP dikenakan / dicajkan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali barang dan perkhidmatan tertentu yang dikecualikan. CBP ini juga dicaj ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat-peringkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai yang akan dibayar sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai dua kali.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan dikenali sebagai "orang yang berdaftar". Orang yang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Beliau juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang dilakukan ke atas pembelian (cukai input) yang mana merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri tidak merupakan satu kos kepada perantara dan tidak kelihatan sebagai item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM PETROLEUM HILIRAN

5. Untuk tujuan panduan ini, aktiviti-aktiviti petroleum hiliran merangkumi penapisan (termasuk pemprosesan dan pencecairan gas), pengilangan petrokimia, penggudangan (pembelian, penstoran dan pengagihan) dan peruncitan (pemasaran).

6. Dalam industri petroleum hiliran, terdapat dua “feedstock” atau “input primer” yang paling penting, iaitu, **minyak mentah** (termasuk **kondensat**) dan **gas mentah**. Minyak mentah diperolehi dari sumber tempatan atau diimport dari negara lain. Minyak mentah ini ditapis untuk menghasilkan pelbagai produk petroleum untuk memenuhi permintaan pasaran domestik dan luar negara. Manakala untuk gas mentah, ianya diperolehi dari sumber tempatan atau dari luar negara dan diangkut secara langsung melalui sambungan talian paip ke kilang-kilang penapisan gas tempatan. Gas mentah ini diproses dan dicecairkan untuk menghasilkan satu gas yang diproses yang bersih untuk rumah tangga dan industri domestik dan pasaran eksport.

7. Perniagaan penjualan runcit, terutamanya peniaga atau operator stesen servis yang merupakan pemegang francais atau kontrak kepada syarikat minyak dan gas (O&G) yang kukuh, manakala kedai-kedai lain adalah pedagang-pedagang kecil yang hanya menjual serta mengedar produk-produk O&G sebagai tambahan kepada lain-lain perniagaan jual beli mereka.

LAYANAN CBP BAGI PETROLEUM HILIRAN

8. Layanan CBP ke atas pelbagai peringkat dari penapisan (termasuk pemrosesan dan pencecairan gas), pengilangan petrokimia, penggudangan (pembelian, penstoran dan pengagihan) ke peruncitan dan pemasaran adalah diterangkan dengan lebih lanjut dalam perenggan-perenggan yang berikutnya.

PENAPISAN

Pergerakan Masuk “Feedstock” untuk Kilang Penapisan Minyak

9. Kilang penapisan minyak memerlukan “feedstock” seperti minyak mentah/kondensat untuk ditapis atau diproses sehingga menghasilkan produk-produk petroleum.

- (a) Pergerakan masuk minyak mentah / kondensat dari sumber domestik ke dalam kilang penapisan tempatan adalah satu transaksi perniagaan biasa dalam skop CBP.

Carigali dan pengeluaran minyak mentah / kondensat di kawasan hulu adalah dijalankan oleh syarikat-syarikat Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) yang masing-masing menjual (selain dari eksport) kepada kilang-kilang penapisan tempatan dalam kumpulan syarikat yang sama atau yang diurus oleh syarikat lain. "Feedstock" minyak mentah / kondensat ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

- (b) "Feedstock" yang diperolehi dengan mengimport dari negara lain disifatkan sebagai suatu barang yang diimport dan tertakluk kepada CBP.

Pergerakan Masuk "Feedstock" untuk Kilang Penapisan Gas

10. Kilang penapisan gas memerlukan gas asli mentah sebagai "feedstock" untuk ditapis atau diproses sehingga menghasilkan produk-produk petroleum.

- (a) Kilang penapisan gas juga memerlukan pembekalan "feedstock" yang berterusan. "Feedstock" yang merupakan gas asli mentah boleh diperolehi dari kawasan hulu domestik. Gas mentah ini diangkut secara langsung ke kilang pemprosesan gas melalui talian paip.

Layanan CBP adalah sama seperti subperenggan 9(a) di atas. Dari perspektif aktiviti hulu (carigali dan pengeluaran), gas mentah ini dimiliki syarikat-syarikat yang menyertai PSC dan dijual kepada kilang pemprosesan gas yang diurus oleh syarikat lain atau sebuah syarikat subsidiari kepada satu kumpulan syarikat. Pembekalan gas mentah ini disifatkan sebagai satu pembekalan dan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

- (b) "Feedstock" yang diperolehi dengan mengimport dari negara lain dianggap

sebagai suatu barang yang diimport dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Pergerakan Masuk “Feedstock” ke Labuan, Kawasan Ditetapkan

11. Minyak mentah dan gas mentah dipindahkan dari telaga di perairan Malaysia (kawasan utama kastam) dan telaga di perairan Brunei ke Labuan Crude Oil Terminal dan Labuan Gas Terminal di Labuan. Pengimportan minyak mentah dan gas mentah ke Labuan hendaklah diikrarkan dalam Borang Kastam No.1. Memandangkan Labuan adalah sebuah kawasan ditetapkan,

- (a) pengimportan minyak mentah dan gas mentah dari telaga di perairan Malaysia (kawasan utama kastam) ke Labuan adalah disifatkan sebagai suatu pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP pada kadar sifar; dan
- (b) pengimportan minyak mentah dan gas mentah dari telaga di perairan Brunei (luar negara) ke Labuan adalah tidak tertakluk kepada CBP.

12. Walau bagaimanapun, jika minyak mentah dan gas mentah adalah barang yang ditetapkan (melalui suatu Perintah yang dibuat oleh Menteri Kewangan) yang tertakluk kepada CBP di Labuan, maka pengimportan minyak mentah dan gas mentah ke Labuan adalah tertakluk kepada CBP.

Pemindahan Keluar Produk Petroleum Yang Diproses

13. Minyak mentah/kondensat ditapis menjadi pelbagai produk petroleum seperti petrol, diesel and gas petroleum cecair (LPG), minyak pelincir, bitumen dan lain-lain produk sampingan. Kesemua produk ini dijual sama ada untuk pasaran domestik atau eksport.

14. Dari kilang penapisan, produk petroleum yang ditapis mungkin dihantar secara berterusan melalui talian paip kepada pembeli. Pembekalan produk petroleum secara berterusan melalui talian paip adalah disifatkan sebagai suatu pembekalan

berterusan. CBP hendaklah diakaunkan atas bayaran diterima atau apabila invoice dikeluarkan, yang mana yang lebih awal.

Kilang penapisan ke gudang berlesen

15. Kadang kala, produk petroleum yang ditapis (misalnya petrol) dipindahkan dan disimpan sementara di sebuah gudang berlesen (depot) sebelum dijual kepada bakal pelanggan komersial dan runcit.

16. Apabila produk tersebut dipindahkan dari tangki penstoran kilang penapisan dan disimpan ke dalam gudang berlesen (depot) sendiri, ianya bukan satu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

17. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP apabila produk tersebut dipindahkan dari tangki penstoran kilang penapis untuk disimpan di dalam gudang berlesen (depot) pembeli. Walau bagaimanapun, jika kedua-dua entiti (kilang penapis dan pembeli adalah dalam kumpulan syarikat yang sama) memohon dan layak didaftarkan secara kumpulan di bawah CBP, pembekalan yang terlibat adalah tidak diambilkira.

Kilang penapisan ke kilang pengilangan petrokimia

18. Dalam sektor petroleum hiliran, output satu industri boleh menjadi “feedstock” (input) kepada industri yang lain. Industri-industri yang berhubungkait ini telah mewujudkan satu jaringan pembekalan di kedua-dua peringkat input dan output. Pembekalan ini dihantar secara berterusan melalui talian paip dan kuantitinya diakaunkan melalui meter. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Kilang penapisan ke kilang penjanaan kuasa

19. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP apabila produk petroleum yang ditapis, contohnya diesel, dipindahkan dari kilang penapisan dan dihantar ke kilang penjanaan kuasa. Walau bagaimanapun, jika kedua-dua syarikat (di mana kilang penapisan dan kilang penjanaan kuasa adalah dalam kumpulan syarikat yang

sama) memohon dan layak didaftarkan secara kumpulan di bawah CBP, pembekalan yang terlibat adalah tidak diambilkira.

Kilang penapisan ke stesen minyak

20. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP apabila produk petroleum yang ditapis dipindahkan dari kilang penapisan dan dihantar ke stesen minyak. Walau bagaimanapun, jika kedua-dua syarikat (di mana kilang penapisan dan stesen minyak adalah dalam kumpulan syarikat yang sama) memohon dan layak didaftarkan secara kumpulan di bawah CBP, pembekalan yang terlibat adalah tidak diambilkira dan ianya tidak tertakluk kepada CBP.

Untuk Eksport

21. Produk petroleum yang ditapis yang dipindahkan untuk di eksport adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.

Pemindahan Keluar Gas Yang Diproses

22. Gas mentah yang diperolehi dari hulu tempatan atau luar Negara dan diproses untuk menghasilkan pelbagai gas yang berguna seperti metana, etana, propana, butana, pentana dan gas lain yang lebih berat. Produk-produk ini dijual kepada pelbagai kategori pelanggan dalam pasaran domestik dan pasaran eksport.

23. Dari kilang penapisan gas, gas yang diproses mungkin dihantar secara berterusan melalui talian paip kepada pembeli. Pembekalan gas yang diproses melalui talian paip secara berterusan adalah dianggap sebagai suatu pembekalan berterusan. CBP hendaklah diakaunkan atas bayaran diterima atau apabila inoivis dikeluarkan, yang mana yang lebih awal.

24. Gas yang diproses dijual sebagai gas bahan api kepada syarikat penjana kuasa. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

25. Gas LPG dijual secara pukal kepada kilang pembotolan yang kemudiannya membotokan gas tersebut dalam tong silinder logam standard untuk pasaran domestik. LPG yang dijual secara pukal kepada kilang pembotolan dan LPG yang dijual dalam tong silinder logam standard untuk kegunaan rumah tangga domestik adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

26. Gas yang diproses yang dipindahkan untuk eksport adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.

PENGILANGAN PETROKIMIA

Pemindahan Produk Yang Dihasilkan

27. Dalam sektor pengilangan petrokimia, industrinya adalah kompleks dan saling berkaitan, terutamanya dari segi pengeluaran dan mod pengangkutan. Output (produk siap) bagi satu industri boleh menjadi satu input (bahan mentah) bagi industri lain. Ianya boleh dihantar secara berterusan melalui talian paip. Pembekalan produk petroleum secara berterusan melalui talian paip adalah dianggap sebagai suatu pembekalan berterusan. CBP hendaklah diakaunkan atas bayaran diterima atau apabila invoice dikeluarkan, yang mana yang lebih awal.

PENGGUDANGAN

Pemindahan Masuk Stok

28. Salah satu aktiviti utama depot petroleum ialah pembelian stok untuk penstoran. Stok produk petroleum adalah diperolehi dari sumber-sumber berikut:

- (a) Pembekal atau kilang penapisan tempatan
- (b) Negara asing (pengimportan)

29. Stok yang dibeli dari sumber tempatan (kilang penapisan) adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard apabila dimasukkan ke dalam depot, sama ada atau tidak depot tersebut dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967. Pembekalan tersebut masih tertakluk kepada CBP pada kadar standard walaupun kedua-dua kilang penapisan dan depot telah dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta

Kastam. Walaubagaimanapun, tiada pembekalan berlaku jika tidak berlaku pemindahan hakmilik apabila stok tersebut dimasukkan ke dalam depot.

30. Stok produk petroleum yang diimport adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard apabila dimasukkan ke dalam suatu depot yang tidak dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967. Walau bagaimanapun, apa-apa CBP yang kena dibayar yang melibatkan stok petroleum import yang dimasukkan ke dalam depot berlesen adalah digantung pembayarannya. CBP yang kena dibayar atas pembekalan stok import dari sebuah depot berlesen ke sebuah depot berlesen yang lain adalah juga digantung pembayarannya. Tiada pembekalan berlaku jika tidak berlaku pemindahan hakmilik apabila stok import tersebut dipindahkan dari sebuah depot berlesen ke sebuah depot berlesen yang lain, tetapi CBP yang kena dibayar masih digantung pembayarannya. Untuk maklumat lanjut mengenai kemudahan Skim Penggudangan CBP, sila rujuk kepada **Panduan CBP atas Skim Penggudangan**.

31. Oleh itu, operator depot berlesen hendaklah menyimpan rekod yang betul dan lengkap tentang stok tempatan dan stok import secara berasingan.

Pemindahan Keluar Stok

32. Produk petroleum dipasarkan kepada dua kategori pelanggan, iaitu pelanggan komersial dan peruncit. Produk petroleum yang dipasarkan kepada pelanggan komersial seperti syarikat penjana kuasa dan peruncit seperti stesen minyak adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Usaha Sama Petroleum Hiliran (JV)

33. Syarikat-syarikat petroleum hiliran ada menubuhkan sebuah syarikat pengendalian bersama (Joint Operating Company - JOC) di bawah suatu perjanjian pengendalian bersama (Joint Operating Agreement-JOA) untuk mempertingkatkan kecekapan dan kebolehan teknikal. Kebiasaanya, rakan-rakan kongsi dalam satu usaha sama petroleum hiliran akan melantik JOC sebagai pengurus untuk membuat pembelian atau pembekalan bagi pihak usaha sama tersebut. JOC ini didaftarkan sebagai satu entiti berasingan yang bukan pengusaha kepada usaha sama itu.

Fungsi utamanya ialah untuk memberi perkhidmatan kepada rakan-rakan kongsi atau bertindak sebagai pengurus.

34. Untuk tujuan CBP, peruntukan Akta bagi usaha sama (JV) adalah tidak terpakai kepada aktiviti yang berkaitan dengan petroleum hiliran. Syarikat pengendalian bersama tersebut hendaklah didaftarkan di bawah CBP untuk membekalkan perkhidmatan kepada rakan-rakan kongsi JV. Perkhidmatan-perkhidmatan yang biasanya dibekalkan oleh pengurus dalam sektor hiliran adalah penerimaan, penstoran dan pengagihan produk-produk petroleum bagi rakan-rakan kongsi JV. Sebagai balasan, pengurus usaha sama akan mengenakan fi pengurusan kepada semua rakan kongsi berdasarkan bahagian ekuiti mereka dalam usaha sama tersebut. Fi pengurusan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Rakan-rakan kongsi JV hendaklah berdaftar di bawah CBP secara berasingan. Mereka secara berasingan akan mengakaun dan membayar CBP bagi pembekalan barang atau produk petroleum yang disimpan dalam gudang atau depot yang diuruskan oleh JOC.

35. Pertukaran stok petroleum antara pengusaha adalah biasa bagi usaha sama dalam depot petroleum. Ini dilakukan untuk tujuan menampung kekurangan stok yang tidak dijangka sementara menunggu ketibaan muatan stok baru. Butir-butir terperinci stok (jenis produk, kualiti dan kuantiti) yang ditukar mesti direkodkan dan CBP hendaklah diakaunkan dengan sewajarnya. Invois cukai mesti dikeluarkan dalam tempoh 21 hari selepas pertukaran. Pertukaran stok petroleum merupakan satu pembekalan. Pembekal mengenakan CBP ke atas pembekalan tersebut dan penerima adalah layak untuk menuntut cukai input.

PERUNCITAN

Pengusaha Stesen Minyak

36. Terdapat 3 jenis stesen minyak seperti berikut:

(a) Stesen minyak yang dimiliki dan diuruskan oleh pengusaha (DODO)

(b) Stesen minyak milikan syarikat minyak yang diuruskan oleh pengusaha (CODO)

(c) Stesen minyak yang dimiliki dan diuruskan oleh syarikat minyak (COCO)

37. Pengusaha stesen minyak DODO atau CODO menandatangani kontrak perjanjian dengan syarikat minyak yang telah bertapak untuk menjual produk petroleum (petrol, diesel dan produk petroleum lain) kepada pelanggan-pelanggan runcitnya. Di bawah kontrak ini, syarikat minyak mengenakan komisyen ke atas jualan tersebut. Stesen minyak COCO adalah dimiliki dan diuruskan oleh syarikat minyak sendiri.

38. Walau bagaimanapun, ada juga stesen minyak yang mengendalikan kedai serbanika dan membekalkan pelbagai barang dan perkhidmatan seperti makanan & minuman, servis kereta, e-bayaran/ATM dan lain-lain perkhidmatan utiliti.

39. Pengusaha stesen minyak hendaklah berdaftar untuk CBP jika nilai pusing ganti jualan bercukainya melebihi nilai ambang pendaftaran. Pengusaha ini adalah bertanggungjawab untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat oleh stesen minyaknya.

40. Berkaitan dengan barang dan perkhidmatan francais dan pembekalan lain yang disediakan di kedai serbanika, pengusaha stesen minyak hendaklah mengenakan CBP ke atas pembekalannya. Pengusaha stesen boleh menuntut cukai input yang ditanggungnya dengan syarat inbois cukai dikeluarkan atas namanya dan mematuhi keperluan dokumentari lain.

41. Pengusaha stesen minyak DODO dan CODO adalah dikehendaki berdaftar untuk CBP di bawah nama sendiri. Kiraan nilai ambang adalah berdasarkan kepada jumlah pusing ganti barang dan perkhidmatan stesen minyak dan kedai serbanika dalam tempoh 12 bulan. Pengusaha itu adalah bertanggungjawab untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh stesen minyak dan kedai serbanikanya.

42. Stesen minyak COCO yang dimiliki dan diuruskan oleh syarikat minyak hendaklah didaftarkan untuk CBP di bawah nama syarikat minyak. Kiraan nilai ambang adalah berdasarkan kepada jumlah pusing ganti barang dan perkhidmatan syarikat minyak dalam tempoh 12 bulan. Syarikat minyak adalah bertanggungjawab untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh stesen minyak COCO dan kedai serbanikanya.

43. Stesen minyak juga membuat pembekalan berikut:

- (a) Jualan makanan dalam kedai serbanika dan penyediaan perkhidmatan seperti membaiki kereta dan cuci kereta. Pembekalan ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (b) Pembekalan yang dibuat di bawah program loyalti. Pemberian mata loyalti adalah bukan suatu pembekalan. Barang yang ditebus dengan kad loyalti adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard pada masa penebusan.
- (c) Pembekalan hadiah percuma – Hadiah barang yang tidak melebihi RM 500 yang diberi secara percuma dalam perjalanan atau penerusan perniagaan kepada orang yang sama dalam tahun yang sama adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (d) Yuran francais yang dibayar / diterima oleh operator. Ianya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (e) Sewa yang dibayar / diterima oleh operator. Ianya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (f) Perkhidmatan menambah nilai kad prabayar. Komisyen yang dikenakan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Tuntutan Kredit Cukai Input untuk Pembinaan Stesen Minyak

44. CBP adalah dibayar atas pembekalan yang diperolehi untuk membina stesen minyak. CBP yang dibayar boleh dituntut sebagai kredit cukai input.

45. Di bawah kontrak perjanjian DODO (Dealer Owned Dealer Operated), kos pembinaan adalah ditanggung oleh pengusaha (dealer). Jika pengusaha berdaftar di

bawah CBP, dia layak menuntut GST yang dibayar ke atas pembinaan stesen minyak tersebut sebagai cukai inputnya.

46. Di bawah kontrak perjanjian CODO (Company Owned Dealer Operated), kos pembinaan adalah ditanggung oleh syarikat minyak. Syarikat minyak yang berdaftar di bawah CBP layak menuntut GST yang dibayar ke atas pembinaan stesen minyak tersebut sebagai cukai inputnya.

47. Stesen minyak COCO (Company Owned Company Operated) adalah dimiliki dan dikendalikan oleh syarikat minyak sendiri. Kos pembinaan adalah ditanggung oleh syarikat minyak. Syarikat minyak yang berdaftar di bawah CBP layak menuntut GST yang dibayar ke atas pembinaan stesen minyak tersebut sebagai cukai inputnya.

SOALAN LAZIM

Pendaftaran Kumpulan

S1: Disebabkan ciri perniagaan petroleum hiliran yang kompleks, terdapat banyak syarikat berdaftar yang berhubung kait antara satu sama lain dari segi operasi dan kawalan ekuiti. Contohnya, Syarikat 'A' ialah sebuah konglomerat minyak & gas yang besar. Di bawah operasinya, terdapat pelbagai aktiviti perniagaan yang berhubung kait antara satu sama lain seperti penapisan, penstoran & pengagihan, pemasaran/peruncitan, logistik & pengangkutan, dan penyelidikan dan pembangunan. Setiap aktiviti adalah diurus dan ditadbirkan oleh sebuah syarikat yang berdaftar. Untuk mencapai kecekapan kos pematuhan, Syarikat 'A' memilih untuk didaftarkan di bawah pendaftaran kumpulan CBP. Adakah syarikat-syarikat tersebut layak untuk pendaftaran kumpulan CBP?


J1: Pendaftaran kumpulan ialah satu kemudahan yang membenarkan dua atau lebih syarikat yang berkaitan antara satu sama lain untuk berdaftar sebagai

satu kumpulan bagi maksud CBP. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi pendaftaran secara kumpulan adalah :

- (a) setiap syarikat mestilah membuat pembekalan bercukai sepenuhnya sahaja. Bagaimanapun, jika sesebuah syarikat membuat pembekalan dikecualikan secara sampingan, syarikat tersebut juga dibenarkan menjadi anggota kumpulan (Sila rujuk Panduan Umum CBP untuk keterangan lanjut berhubung pembekalan dikecualikan);
- (b) setiap syarikat mestilah berdaftar di bawah CBP terlebih dahulu sebelum berdaftar sebagai satu kumpulan;
- (c) syarikat yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dianggap mempunyai kuasa mengawal ke atas syarikat- syarikat yang lain; dan
- (d) semua anggota kumpulan mestilah sama-sama bertanggungjawab ke atas pembayaran cukai.

Bagi maksud pendaftaran kumpulan, sesebuah syarikat dianggap mempunyai kawalan ke atas syarikat lain sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi syarikat subsidiari dengan memegang lebih daripada 50% daripada modal saham terbitan syarikat lain. Rajah 1 di bawah menunjukkan ujian kawalan secara langsung dan tidak langsung bagi pendaftaran kumpulan.

Rajah 1: Ujian Kawalan bagi Pendaftaran Kumpulan



Nota:

Syarikat **A** mempunyai kawalan secara langsung dalam Syarikat **B** and **C**. Mereka layak menjadi ahli kumpulan CBP kerana Syarikat **A** memiliki 55% ekuiti dalam Syarikat **B** dan 100% ekuiti dalam Syarikat **C** masing-masing, iaitu lebih dari 50% modal saham terbitan.

Syarikat **A** secara tidak langsung memiliki 55% {55% x 100%} ekuiti dalam Syarikat **E** dan oleh itu, Syarikat **E** juga layak menjadi ahli kumpulan. Syarikat **D** tidak layak menjadi ahli kumpulan kerana Syarikat **A** secara tidak langsung hanya memiliki 19.25% {55% x 35%} ekuiti dalamnya.

Minyak Bunker

S2: Kapal yang didaftarkan secara domestik dan kapal yang didaftarkan oleh negara asing berlabuh di pelabuhan tempatan untuk memperoleh pembekalan minyak bunker. Apakah layanan CBP untuk minyak yang dibekalkan kepada kapal?

J2: Pembekalan minyak bunker kepada kapal-kapal berikut adalah berkadar sifar:

- a) kapal yang terlibat dengan pelayaran antarabangsa; dan
- b) kapal yang berlayar antara pelabuhan-pelabuhan Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur tetapi bersinggah di Singapura atau Indonesia semasa pelayaran antara kedua-dua pelabuhan.

Pembekalan minyak bunker kepada kapal-kapal berikut adalah berkadar standard:

- a) kapal nelayan termasuk perahu pukut tunda dan kapal perikanan laut dalam;
- b) kapal kargo yang bergerak di kawasan tempatan;
- c) kapal penumpang domestik seperti feri;
- d) kapal persiaran tempatan; dan
- e) kapal yang tidak membawa kargo seperti bot tarik, bot korek, bot letak cabel dan kapal selam

Pembekalan Bahan Api Kepada Syarikat Penerbangan

S3: Apakah layanan CBP untuk pembekalan bahan api kepada syarikat penerbangan?

J3: Pembekalan bahan api kepada penerbangan tempatan adalah tertakluk pada kadar standard dan kadar sifar bagi penerbangan antarabangsa.

Kehilangan Penstoran

S4: Kehilangan penstoran adalah kehilangan produk petroleum semasa disimpan dalam depot minyak berlesen selepas diambilkira kehilangan yang dibenarkan akibat sebab-sebab semulajadi seperti penyejatan dan variasi haba/termal. Semasa pengukuran bulanan, operator gudang mendapati bahawa dia telah menanggung kehilangan minyak diesel and petrol akibat penyimpanan di dalam gudang atau depot berlesen. Adakah operator gudang tersebut bertanggungjawab untuk membayar CBP ke atas kehilangan yang melebihi kuantiti yang dibenarkan?

J4: Ya, kehilangan minyak yang melebihi kuantiti yang dibenarkan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walaubagaimanapun, kehilangan yang tidak melebihi peratusan kehilangan yang dibenarkan adalah bukan suatu pembekalan dan dengan itu tidak tertakluk kepada CBP. Peratusan kehilangan yang dibenarkan hendaklah ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Kehilangan Transit

S5: Kadangkala, depot minyak menerima pembekalan daripada kilang-kilang penapisan petroleum tempatan atau depot petroleum berlesen lain. Semasa proses penghantaran produk petroleum, sama ada melalui talian paip secara terus atau melalui kapal/lori tangki, syarikat mungkin mengalami kehilangan transit yang melebihi kuantiti yang dibenarkan. Adakah kehilangan transit ini tertakluk kepada CBP?

J5: Ya, kehilangan transit yang melebihi peratusan kehilangan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Kehilangan Import

S6: Kehilangan jenis ini adalah agak serupa dengan kehilangan transit. Cuma dalam kes ini, kehilangan melibatkan barang atau stok yang diimport. Adakah kehilangan import ini tertakluk kepada CBP?

J6: Ya, ianya adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard jika kuantiti yang hilang melebihi peratusan yang dibenarkan.

Pembekalan Berterusan "Feedstock"

S7: Dalam kompleks petroleum yang berintegrasi tinggi, produk siap satu kilang menjadi "feedstock" atau bahan mentah untuk kilang lain. Pembekalan ini dipindahkan antara kilang melalui talian paip secara berterusan. Semua syarikat yang terlibat dalam kompleks ini adalah dalam kumpulan syarikat yang sama. Apakah layanan CBP bagi "feedstock" yang dibekalkan dalam kompleks petroleum yang berintegrasi tinggi ini ?

J7: Syarikat yang membekalkan "feedstock" hendaklah mengenakan CBP manakala syarikat yang menerima "feedstock" layak menuntut CBP tersebut sebagai cukai input. Pembekalan produk petroleum secara berterusan melalui talian paip adalah dianggap sebagai suatu pembekalan berterusan. CBP hendaklah diakaunkan apabila bayaran diterima atau apabila invois cukai dikeluarkan, yang mana yang lebih awal. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang terlibat mungkin layak untuk pendaftaran kumpulan CBP, tertakluk kepada memenuhi keperluan-keperluan pendaftaran kumpulan. Bagi pendaftaran kumpulan, pembekalan antara syarikat dalam kumpulan yang sama adalah tidak diambilkira. Pembekalan kepada pembeli yang bukan ahli dalam kumpulan CBP adalah tertakluk kepada CBP.

Beroperasi Di Negara Asing

S8: Apakah layanan CBP bagi pembekalan yang diterima atau dibuat oleh sebuah syarikat subsidiari yang beroperasi di negara asing?

J8: Jika sebuah syarikat yang terletak di Malaysia membekalkan barang dan perkhidmatan kepada sebuah syarikat subsidiari yang beroperasi di negara asing, pembekalan ini adalah berkadar sifar.

Apa-apa pembekalan yang dibuat oleh syarikat subsidiari tersebut adalah di luar skop CBP dan oleh itu, tidak tertakluk kepada CBP kerana pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat olehnya adalah di luar Malaysia.

Syarikat Yang Didaftarkan Kawasan Ditetapkan

S9: Sebuah syarikat yang terletak di kawasan ditetapkan (DA) bertujuan untuk menjalankan aktiviti perniagaan dalam Malaysia. Aktiviti perniagaan tersebut akan mempunyai implikasi CBP. Adakah syarikat ini layak berdaftar di bawah CBP dan layak menuntut kredit cukai input bagi CBP yang dikenakan oleh pembekal tempatan ke atasnya?

A9: Ya, ianya layak berdaftar di bawah CBP dan layak menuntut CBP yang ditanggung ke atas input yang diperolehinya. Di bawah CBP, kawasan ditetapkan merujuk kepada Langkawi, Labuan dan Tioman. Layanan CBP bagi pembekalan barang dan perkhidmatan berkaitan kawasan ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Pembekalan barang dan perkhidmatan (kecuali barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan) dalam DA adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (b) Pembekalan barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan dalam DA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (c) Pembekalan barang (kecuali barang terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan) dari kawasan utama kastam ke DA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.
- (d) Pembekalan barang terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan dari kawasan utama kastam ke DA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.


- (e) Pembekalan perkhidmatan dari kawasan utama kastam ke DA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (f) Pembekalan barang dan perkhidmatan dari DA ke kawasan utama kastam adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (g) Pembekalan barang (kecuali barang terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan) dari satu DA ke DA yang lain adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (h) Pembekalan barang terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan dari satu DA ke DA yang lain adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (i) Pembekalan perkhidmatan (kecuali perkhidmatan pengangkutan barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan) dari satu DA ke DA yang lain adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (j) Pembekalan perkhidmatan pengangkutan barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan dari satu DA ke DA yang lain adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (k) Pengimportan barang dan perkhidmatan (kecuali barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan) ke DA tidak tertakluk kepada CBP.
- (l) Pengimportan barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan ke DA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- (m) Pengeksportan barang dan perkhidmatan dari DA ke luar negeri adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.

Pertukaran Pembekalan

S10: Pembekal A, sebuah syarikat minyak Malaysia, menerima satu tempahan daripada B, sebuah syarikat luar negara, untuk membeli minyak mentah. Sebalik dari menghantar minyak mentah secara langsung kepada B, A minta C, pembekal minyak mentah yang lain, yang merupakan sekutu perniagaannya di Eropah untuk menghantar bagi pihaknya. Pada masa yang sama, C juga ada satu perjanjian untuk menghantar minyak mentah yang serupa dalam kuantiti dan kualiti kepada D, sebuah syarikat yang terletak di Malaysia. A dan C bersetuju untuk bertukar stok

minyak mentah yang serupa dalam kuantiti dan kualiti untuk dihantar kepada D. A dan C kedua-duanya bersetuju untuk menukar pembekalan minyak mentah. Apakah layanan GST bagi pertukaran pembekalan minyak mentah yang melibatkan satu pembekalan di luar skop CBP dan satu pembekalan tempatan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah?

Rajah 2: Pertukaran Pembekalan



J10: Transaksi di antara A dan D merupakan suatu pembekalan tempatan. Oleh itu, ianya adalah satu pembekalan bercukai dan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. A mengenakan CBP ke atas pembekalan yang dibuat kepada D tetapi mengeluarkan invoice cukai kepada C (U.K). Andaikan C (U.K) berdaftar di bawah CBP, dia layak menuntut cukai input. Bagi pembekalan yang dibuat kepada D, C (U.K) dikehendaki untuk mengenakan CBP ke atas pembekalan tersebut di mana D adalah layak untuk menuntut cukai input jika D berdaftar di bawah CBP. Jika C tidak berdaftar di bawah CBP, dia tidak layak untuk menuntut cukai input dan tidak perlu mengenakan CBP ke atas pembekalan tersebut. Transaksi di antara C dan B adalah di luar Malaysia

dan disifatkan sebagai suatu pembekalan di luar skop CBP. Ianya tidak tertakluk kepada CBP.

MAKLUMBALAS ATAU KOMEN

48. Sebarang maklumbalas atau komen adalah sangat dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Encik Mohd Hisham B. Mohd Nor (*m_hisham.nor@customs.gov.my*) atau Encik Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (*izmeer.msohaimi@customs.gov.my*).

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP

49. Maklumat lanjut untuk membantu anda memahami CBP dengan lebih mendalam boleh diperolehi dari:

- (a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP : 03-88822111
- (b) Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
 - Fax : 03- 7806 7599
 - E-mail : *ccc@customs.gov.my*